

MALAYSIA

AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952

SURAT AKUAN

Saya Nombor *K/P/Pasport
..... yang beralamat di
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

- (1). saya adalah warganegara
- (2). saya tidak pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman denda tidak kurang dari satu ribu ringgit atau penjara tidak kurang dari setahun atau kedua-duanya sekali;
- (3). tidak pernah dibuat atau berkuatkuasa terhadap saya
 - i. suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau depotasi;
 - ii. dikenakan terhadap saya apa-apa bentuk sekatan, atau pengawasan, sama ada dengan bon atau sebaliknya,di bawah mana-manay ayang berhubungan undang-undang keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen,
- (4). saya tidak pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan (i) berkaitan penubuhan atau pengurusan amanah; (ii) yang melibatkan penipuan atau ketidakjujuran atau pecah amanah; (iii) tidak pernah dipenjarakan kerana mana-mana kesalahan tersebut dalam tempoh lima tahun sebelum tarikh Surat Akuan ini;
- (5). bahawa saya bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan hutangnya;
- (6). saya tidak pernah didapati atau diistiharkan sebagai seorang yang tidak siuman;
- (7). saya telah membaca dan faham sepenuhnya semua suratcara berkaitan dengan pelantikan saya sebagai pemegang amanah dan yang mengandungi tujuan amanah, terma-terma dan syarat-syarat pelantikan pemegang amanah (selepas ini dirujuk sebagai Suratcara Amanah tersebut)
- (8). saya akan mentadbirkan dana dan harta amanah ini dan mematuhi serta menurut terma dan syaratnya seperti yang ditetapkan oleh Suratcara Amanah tersebut atau yang dikehndaki oleh undang-undang, termasuk Akta

Pemegang Amanah 1942, dan khususnya Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952;

(9). saya dengan rela hati memberi persetujuan dan menerima pelantikan untuk bertindak sebagai pemegang amanah (nama badan atau persatuan orang) termasuk mentadbir dana amanah yang ditubuhkan menurut Suratcara Amanah tersebut;

(10.) saya dengan ini mengesahkan bahawa semua pernyataan dan butir-butir dalam permohonan kepada Menteri bagi mendapatkan suatu sijil pendaftaran pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah* adalah benar dan tepat.

(11). saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan bahawa keterangan dan maklumat mengenai diri saya yang diberikan kepada (nama badan atau persatuan orang) bagi maksud pelantikan saya sebagai salah seorang daripada pemegang-pemegang amanahnya adalah benar dan tepat dan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 4(2) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalam perakuan ini adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat oleh)
.....)
(No. K/P:)
di)
dalam negeri)
pada)

di hadapan)

**(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)*

** potong yang mana tidak berkenaan*